

08 JUN 1998

DAP MAHU PENJELASAN BERHUBUNG LAPORAN AKHBAR SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- DAP mahu kerajaan menjelaskan laporan akhbar Singapore Business Times yang menyatakan United Engineers Malaysia Bhd (UEM) dan Renong akan menjadi antara syarikat pertama untuk mendapat bantuan Pengurusan Dana Harta Nasional.

Dana Harta ialah syarikat pengurusan aset (AMC) yang ditubuhkan untuk mengambil alih hutang tidak berbayar syarikat-syarikat kepada institusi kewangan.

"Jika benar yang UEM dan Renong antara yang pertama mendapat bantuan, maka ini akan memperkukuhkan lagi syak yang AMC itu tidak lebih daripada agensi untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu," kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, AMC ditubuhkan untuk meningkatkan keyakinan dalam pasaran tetapi ia gagal kerana ramai yang khuathir ia akan berfungsi sebagai agensi untuk menyelamatkan syarikat-syarikat dan individu terpilih.

Sementara itu, beberapa anggota pembangkang yang mendakwa mewakili Majlis Bagi Keadilan, Kebebasan, Demokrasi dan Pemerintahan Baik telah meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan persidangan meja bulat dengan semua parti politik dan NGO untuk menggariskan pembaharuan politik untuk membolehkan negara mengatasi krisis ekonomi.

Anggota-anggota majlis itu termasuk Dr Sanusi Othman (Parti Rakyat Malaysia), Mohamed Sabu (PAS), Dr Mohamad Nasir (Parti Sosialis Malaysia), Lim Kit Siang dan anggota-anggota DAP yang lain.

-- BERNAMA

WNZ PR